



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
***DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA***

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545  
Faks :603-88895542  
E-mail:ismailmerican@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA INFLUENZA A(H1N1)**  
**DAN TINDAKAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**23 Mei 2009**

Kementerian Kesihatan Malaysia ingin memaklumkan bahawa sehingga jam 8.00 pagi, 23 Mei 2009, Bilik CPRC Kebangsaan telah menerima notifikasi pada keseluruhannya sebanyak 210 kes dari seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, Malaysia masih kekal dengan dua (2) kes yang telah disahkan positif influenza A(H1N1) pada 15 dan 16 Mei 2009 yang lalu dengan 208 kes lagi telah disahkan bebas dari jangkitan influenza A(H1N1).

Untuk semalam, sehingga 23 Mei 2009, jam 8.00 pagi, Bilik CPRC Kementerian telah menerima sebanyak 18 notifikasi kes yang dimasukkan ke wad isolasi di lapan (8) buah Hospital Rujukan Influenza A(H1N1) bagi tujuan penyiasatan iaitu tujuh (7) di Hospital Sungai Buloh, Selangor; tiga (3) di Hospital Tuanku Ja'afar, Negeri Sembilan; dua (2) di Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh; dua (2) di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru; masing-masing satu (1) di Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan; Hospital Sultanah Nur-Zahirah, Kuala Terengganu; Hospital Kuala Lumpur; dan Hospital Pulau Pinang. Kesemua lapan belas (18) kes yang dinotifikasi telah disahkan bebas daripada jangkitan influenza A(H1N1) oleh ujian makmal dari Institut Penyelidikan Perubatan (IMR).

Tempoh kuarantin bagi dua (2) penumpang warga negara Amerika Syarikat yang merupakan kontak kepada warga negara Hong Kong yang disahkan positif influenza A(H1N1) telah berakhir pada hari ini dan telah dibenarkan keluar dari tempat kuarantin. Kedua-dua mereka berada dalam keadaan sihat.

Sehingga 23 Mei 2009 jam 8.00 pagi Malaysia, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memaklumkan sebuah lagi negara baru melaporkan secara rasmi kejadian influenza A(H1N1) iaitu Filipina dengan satu (1) kes, menjadikan jumlah negara yang terlibat adalah sebanyak 42 buah. Kumulatif kes influenza A(H1N1) adalah sebanyak 11,993 yang telah disahkan positif oleh ujian makmal iaitu peningkatan sebanyak 866 kes berbanding dengan hari sebelumnya. Sebanyak empat belas (14) buah negara lain yang melaporkan peningkatan kejadian ini adalah Amerika Syarikat (788), Jepun (18), Sepanyol (13), Chile (8), Ecuador (7), Australia (5), United Kingdom (5), Itali (4), Panama (4), German (3), China (6; 2 Tanah Besar, 1 Hong Kong, 3 Taiwan), Belgium (2), Norway (1), dan Switzerland (1). Tiada peningkatan dalam jumlah kematian iaitu 86 orang.

Untuk semalam, pada 23 Mei 2009 jam 8.00 pagi, seramai 9,211 individu yang tiba dari negara terbabit telah disaring. Daripada jumlah tersebut, 5,397 (59%) orang disaring di pintu masuk udara, 455 (5%) di pintu masuk laut dan 3,359 (36%) di pintu masuk darat. Sebanyak tiga (3) kes yang dikesan dipintu masuk telah dirujuk ke hospital rujukan untuk pemeriksaan lanjut.

Sehingga 23 Mei 2009 jam 8.00 pagi, kumulatif penumpang yang disaring di semua pintu masuk adalah seramai 162,734 orang dimana 138,807 (85%) disaring di pintu masuk udara, 16,507 (10%) di pintu masuk darat dan 7420 (5%) di pintu masuk laut. Daripada jumlah

tersebut, 42 orang telah dirujuk ke Hospital Rujukan Influenza A(H1N1) bagi tujuan penyiasatan.

Setakat ini tiada kes transmisi tempatan berlaku di Malaysia. Walau bagaimanapun, saya menasihatkan orang ramai agar sentiasa mengambil perhatian serius terhadap situasi semasa penyakit ini dan mendapatkan maklumat yang terkini dan tepat dari Kementerian Kesihatan. Maklumat terkini mengenai influenza A(H1N1) ini boleh diperolehi melalui laman sesawang Kementerian Kesihatan iaitu <http://www.moh.gov.my> dan pengumuman KKM melalui media dari masa ke semasa.

Sekian dan terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN**  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 23 Mei 2009